



MAJLIS PERBANDARAN KLUANG
Kluang, Johor Darul Takzim

IKLAN KEKOSONGAN GERAI
MAJLIS PERBANDARAN KLUANG

TARIKH IKLAN : 16 JUN 2019 (AHAD) HINGGA 30 JUN 2019 (AHAD)

1. Permohonan adalah dipelawa kepada **Warganegara Malaysia yang bermastautin di Daerah Kluang** dan berminat untuk menyewa dan menjalankan perniagaan di gerai dan pasar Majlis Perbandaran Kluang.
2. Kekosongan gerai dan pasar yang ditawarkan ialah:

Bil	Lokasi	Kegunaan	Kekosongan (Unit)	No. Unit Yang Kosong
1	Gerai MPK Jalan Senohong, Kahang	Pelbagai	2	5 & 16
2	Gerai MPK Lama Kahang (Blok B)	Gerai Makan	1	B2
3	Gerai Makan Pasar Borong Kampung Gajah, Kluang	Gerai Makan	7	1, 2, 3, 5, 7, 8 & 10
4	Gerai Makan Perhentian Bas & Teksi Kluang, Kluang	Gerai Makan (Melayu)	6	2, 3, 22, 28, 31 & 32
5	Gerai Makan Perhentian Bas & Teksi Kluang, Kluang	Gerai Makan (Bukan Bumiputera)	9	12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19 & 21
6	Gerai MPK Perhentian Bas & Teksi Kluang, Kluang	Gerai Pelbagai	1	73
7	Ruang Pejabat Perhentian Bas & Teksi Kluang, Kluang	Pejabat	1	23
8	Kaunter Tiket Bas Perhentian Bas & Teksi Kluang, Kluang	Kaunter Tiket	3	14, 15 & 17
9	Gerai MPK Taman Kluang Barat, Kluang	Gerai Makan	1	3

SYARAT – SYARAT PERMOHONAN :

1. Warganegara Malaysia keutamaan kepada penduduk yang menetap di Daerah Kluang sahaja.
2. Pemohon berumur **tidak kurang dari 18 tahun** pada tarikh tutup tawaran.
3. Menggunakan '**Borang Permohonan Gerai Majlis Perbandaran Kluang**' yang telah disahkan (bukan fotokopi). Boleh didapati di Kaunter Sewaan Bahagian Pengurusan Harta, Majlis Perbandaran Kluang atau boleh juga di muat turun dari laman sesawang www.mpkluang.gov.my.
4. Hanya satu borang permohonan sahaja yang dibenarkan bagi pasangan suami isteri.
5. Borang hendaklah diserahkan bersama-sama dengan dokumen seperti berikut:
 - 5.1 **Satu (1) keping gambar berukuran pasport**
 - 5.2 **Satu (1) salinan kad pengenalan pemohon**
 - 5.3 Salinan penyata kewangan yang terkini bagi 3 bulan yang terakhir.
 - 5.4 Satu (1) salinan pendaftaran perniagaan / syarikat (jika ada)
 - 5.5 Satu (1) salinan sijil kursus perniagaan (jika ada)
 - 5.6 Lain-lain dokumen sokongan bagi menyokong permohonan (jika ada)
6. **Pemohonan hendaklah menjelaskan bayaran proses permohonan sebanyak RM 10.00 (Ringgit Malaysia: Sepuluh Sahaja).**
7. Pemohon yang berjaya **tidak boleh menyewakan premis** kepada pihak ketiga.
8. Pemohon hendaklah mengisi borang permohonan dengan betul dan lengkap. Borang yang didapati tidak diisi dengan lengkap akan **DITOLAK**.
9. Segala pertanyaan boleh dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Harta, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta, **Puan Alauweyah di talian 07-777 1470 atau Puan Khaliza di talian 07-777 1503.**
10. Sila hantar borang permohonan sebelum atau pada **30 JUN 2019 (AHAD)**.

Peringatan :

Dimaklumkan bahawa pihak majlis telah menetapkan **SETIAP PASANGAN SUAMI ISTERI HANYA DIBENARKAN MENYEWA ATAU MEMOHON SATU UNIT GERAI** sahaja, sekiranya didapati ianya melanggar syarat tersebut, hak penyewaan atau permohonan yang terakhir akan dibatalkan tanpa sebarang prasangka.

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN KLUANG**